

# USIM lantik 25 ejen berita

SEREMBAN 21 Mei - Seramai 25 penuntut Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dilantik sebagai ejen berita rasmi sempena penganjuran Kursus Penyiaran Media 2013 USIM baru-baru ini.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) USIM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah, pelantikan itu adalah bagi menyahut seruan dan aspirasi pengurusan tertinggi universiti khususnya dalam mencorakkan kredibiliti dan kemahiran pelajar.

“Ejen berita USIM akan menggalas tanggungjawab sebagai rakan media yang bertindak sebagai individu yang akan mempromosikan aktiviti universiti bukan sahaja untuk bacaan penuntut dalam kampus malah kepada masyarakat luar kampus yang disalurkan kepada media arus perdana.

“Apa yang lebih penting penulisan berita yang mutakhir dan telus, membolehkan masyarakat di dalam dan luar kampus dapat mengikuti perkembangan yang berlaku di USIM,” katanya pada majlis penyampaian watikah pelantikan ejen berita itu.

Yang turut hadir, Pengarah Pusat Komunikasi Strategik (StraComm) USIM, Prof. Dr. Musa Abu Hassan dan Ketua Unit Kebudayaan USIM, Ismail Ahmed.